

**Petugas media turut jadi mangsa penyokong Bersih
Utusan Online
29 April, 2012**

KUALA LUMPUR 28 April - Seorang jurugambar sebuah stesen televisyen swasta cedera parah di kepala selepas diserang penunjuk perasaan ketika bertugas membuat liputan perhimpunan Bersih 3.0 di Dataran Merdeka hari ini.

Mohd. Azri Mohd. Salleh, 28, yang bertugas di stesen televisyen *Al-Hijrah* diserang ketika merakamkan liputan sebuah kereta peronda polis diserbu sekumpulan penyokong di hadapan pusat beli-belah Sogo.

Mohd. Azri berkata, ketika itu dia melihat kereta dan anggota polis diserang peserta dan mengambil keputusan untuk merakamkan kejadian tersebut.

"Bagaimanapun, sekumpulan individu yang ketika itu menyerang anggota polis datang ke arah saya dan menunjukkan aksi tidak berpuas hati.

"Mereka kemudian menyerang saya dan cuba merampas kamera saya. Mereka juga menumbuk muka dan kepala saya," katanya ketika ditemui pemberita di Dataran Merdeka.

Sebelum kejadian, difahamkan kereta polis yang mempunyai dua anggota terbabas setelah cuba mengelak balingan batu oleh peserta.

Peserta yang mula melakukan rusuhan kedua di kawasan Sogo kemudian mula menyerang anggota polis terbabit.

Tambah Mohd. Azri, akibat serangan itu, dia cedera di kepala dan telinga kanan dan telah menerima rawatan namun kamera miliknya masih belum ditemui.

Sementara itu, dalam satu lagi kejadian, seorang jurugambar akhbar *The Malay Mail*, Muhamad Arif Kartono, 26, cedera akibat ditumbuk di muka, kepala dan telinga ketika menjalankan tugas di Dataran Merdeka.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0429&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_13.htm